



**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI JOHOR  
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

**BANTUAN KHAS KEWANGAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2022**

**1.0 TUJUAN**

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri Johor memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 kepada Anggota Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Johor dan Persekutuan yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri Johor, selain itu juga akan dipanjangkan kepada semua Yang Berhormat Ahli - ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor, Ex-Officio, Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Timbalan Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri Johor, Ahli-ahli Jumaah Majlis DiRaja Johor, Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ), Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor, Guru-guru KAFA, Petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Guru-guru Tadika Islam Johor (TAJ).

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju agar Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 diberikan kepada Anggota Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Johor sebagai menghargai jasa dan pengorbanan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada

rakyat terutamanya ketika negara mengharungi tempoh mencabar ini dan juga dalam fasa peralihan kepada endemik.

- 2.2 Bantuan Khas Kewangan tersebut melibatkan semua penjawat awam Negeri Johor berjumlah setengah (1/2) bulan gaji atau minimum RM 1,000.00 yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM 18.813 juta yang memberi manfaat kepada seramai kira-kira 13,400 kakitangan awam.
- 2.3 Manakala Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri kepada pesara akan diberikan berdasarkan kepada pengumuman Bantuan Khas Kewangan kepada pesara oleh Kerajaan Persekutuan.
- 2.4 Bantuan khas kewangan ini turut dipanjangkan kepada kakitangan awam persekutuan yang dibayar gaji oleh kerajaan negeri, selain itu juga akan dipanjangkan kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor, Ex-Officio, Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Timbalan Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri Johor, Ahli-ahli Jumaah Majlis DiRaja Johor, Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ), Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor, Guru-guru KAFA, Petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Guru-guru Tadika Islam Johor (TAJ).

### **3.0 TAFSIRAN**

Bagi Maksud Pekeliling Perkhidmatan ini adalah sebagaimana berikut :

- 3.1 '**Gaji**' bermaksud gaji pokok termasuk elaun memangku bagi penjawat awam. Bagi selain penjawat awam, gaji bermaksud elaun bulanan tetap yang diterima sebagai elaun pokok.

#### **4.0 PELAKSANAAN BANTUAN KHAS KEWANGAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2022**

- 4.1 Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 diberikan kepada Anggota Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Johor dan Persekutuan yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri Johor, selain itu juga akan dipanjangkan kepada semua Yang Berhormat Ahli - ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor, Ex-Officio, Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Timbalan Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri Johor, Ahli-ahli Jumaah Majlis DiRaja Johor, Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ), Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor, Ex-Officio, Guru-guru KAFA, Petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Guru-guru Tadika Islam Johor (TAJ) tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh **1 Januari 2022 hingga 28 April 2022 dan masih berada dalam perkhidmatan sehingga 28 April 2022 kecuali bagi perkara yang dibutirkan pada perenggan 8.4.**
- 4.2 Pegawai yang baru dilantik pada tahun 2022 akan dibayar BKK Tahun 2022 menggunakan kaedah "*proportionate*" berdasarkan tempoh pegawai berkenaan berkhidmat pada tahun 2022 ini **(dari 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022).**
- 4.3 Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 kepada Guru-guru KAFA hendaklah ditolak dengan kadar Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 yang akan dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Guru-guru KAFA (jika ada).
- 4.4 Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 sebanyak setengah (1/2) bulan gaji atau minimum RM 1,000.00 akan dibayar pada **28 April 2022.**

- 4.5 Penetapan pengiraan gaji adalah berdasarkan gaji pegawai pada bulan April 2022.

## 5.0 PEGAWAI YANG LAYAK

- 5.1 Pegawai yang layak dibayar **Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022** adalah sepertimana berikut :

- i. Pegawai lantikan tetap, sementara, "*contract of service*" (COS), "*contract for service*" (CFS), Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan pegawai perkhidmatan personel MySTEP;
- ii. Guru interim; guru KAFA, dan guru TAJ;
- iii. Pegawai yang bercuti separuh gaji tidak sepanjang tahun (dibayar secara "*proportionate*");
- iv. Pegawai yang bercuti tanpa gaji/dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya/badan antarabangsa/ syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tahun 2022 (dibayar secara "*proportionate*");
- v. Pegawai Persekutuan yang ditempatkan di Waran Perjawatan Negeri dan gajinya dibayar oleh Kerajaan Negeri;
- vi. Pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya;
- vii. Ahli-ahli Jumaah Majlis DiRaja Johor yang berkhidmat dalam tahun 2022;
- viii. Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor yang berkhidmat dalam tahun 2022;
- ix. Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Timbalan Setia Negeri Johor
- x. Ex-Officio;
- xi. Petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK); dan
- xii. Jawatan-jawatan lain yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor.

## **6.0 PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK**

6.1 Pegawai yang **tidak layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022** adalah sepertimana berikut :

- i. Pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut dalam tahun 2022 (dari 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022);
- ii. Pegawai yang bercuti separuh gaji (dari 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022);
- iii. Pegawai yang bercuti tanpa gaji (dari 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022);
- iv. Pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya/ badan antarabangsa/ syarikat swasta (dari 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022);
- v. Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain hukuman amaran (dari 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022);
- vi. Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam (dari 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022);
- vii. Pegawai yang meletak jawatan (dari 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022).

## **7.0 PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2022**

7.1 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib adalah ditangguhkan Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022. Pegawai atau individu hanya layak dibayar sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai atau individu tersebut tidak bersalah.

## 8.0 PESARA DAN PEGAWAI KONTRAK

- 8.1 Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 kepada pesara Kerajaan Negeri tahun 2022 akan dibayar BKK Tahun 2022 menggunakan kaedah "*proportionate*" berdasarkan tempoh pesara berkenaan berkhidmat pada tahun 2022 ini (dari 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022) dan jumlah tersebut hendaklah ditolak dengan kadar BKK Tahun 2022 yang akan dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada pesara (jika ada).
- 8.2 Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara "*Contract of Service*" (COS) dan "*Contract For Service*" (CFS) dan masih berkhidmat pada 28 April 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 sebanyak setengah (1/2) bulan gaji atau minimum RM 1,000.00 tertakluk kepada memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022 dan masih berada dalam perkhidmatan awam sehingga 28 April 2022. Pembayaran yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia akan ditolak dan bakinya akan dibayar oleh jabatan dimana pegawai sedang berkhidmat.
- 8.3 Bagi Yang Berhormat Ahli - ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor, Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Timbalan Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri Johor dan pegawai kontrak Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor yang menamatkan perkhidmatan secara sempurna atau menamatkan perkhidmatan akibat menerima jawatan tetap kerajaan pada tahun 2022 atau akibat pembubaran Dewan Negeri Johor, pembayaran BKK adalah menggunakan kaedah "*proportionate*" iaitu dibayar oleh jabatan semasa pegawai berkhidmat secara kontrak (Badan Berkanun Negeri

atau Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor) dan jabatan terkini pegawai (jika berbeza jabatan). Manakala pegawai kontrak di Perkhidmatan Negeri (jika jawatan tetap di Perkhidmatan Negeri) secara keseluruhannya dibayar oleh jabatan terakhir pegawai sedang berkhidmat.

- 8.4 Bagi Yang Berhormat Ahli - ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor, Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Timbalan Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri Johor yang menamatkan perkhidmatan secara sempurna atau menamatkan perkhidmatan akibat pembubaran Dewan Negeri Johor pada tahun 2022, pembayaran BKK adalah menggunakan kaedah "*proportionate*" iaitu dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

## **9.0 PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN**

- 9.1 Pegawai yang meninggal dunia pada 28 April 2022 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 sebanyak setengah (1/2) bulan gaji atau minimum RM1,000.00 dengan syarat pegawai telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022.
- 9.2 Pegawai yang meninggal dunia sebelum 28 April 2022 warisnya layak diberi Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 secara "*proportionate*".

## **10.0 SYARAT PEMBAYARAN**

- 10.1 Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 dibayar kepada pegawai yang berkhidmat dalam tahun 2022 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang - kurangnya 30 hari

berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022 dan masih berada dalam perkhidmatan sehingga 28 April 2022 kecuali bagi perkara yang dibutirkan pada perenggan 8.4.

## **11.0 JABATAN YANG MEMBAYAR**

- 11.1 Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran dan jabatan terdahulu bagi pegawai yang dilantik secara kontrak di Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (dikira secara "*proportionate*").
- 11.2 Bagi pegawai yang meninggal dunia, bayaran Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 adalah menjadi tanggungan jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

## **12.0 TARIKH PEMBAYARAN**

Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 akan dibayar pada **28 April 2022**. Bagi Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada kelulusan agensi masing-masing.

## **13.0 TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## **14.0 PEMAKAIAN**

Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing - masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada



keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri. Walau bagaimanapun, pembayaran bagi Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 ini adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan jabatan masing-masing.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

A handwritten signature in black ink, consisting of a long horizontal stroke with a loop in the middle and a small upward tick at the end.

**( DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI )**  
Setiausaha Kerajaan  
Johor

Tarikh : 10 April 2022